

**JABATAN PERPUSTAKAAN UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.04.02/10.12/5 (9)

13 September 2022

16 Safar 1444 H

**PEKELILING PERPUSTAKAAN BIL. 1/2022
PENSTRUKTURAN SEMULA CARTA ORGANISASI DAN CARTA FUNGSI JABATAN
PERPUSTAKAAN UTM**

Dimaklumkan bahawa Jabatan Perpustakaan UTM melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Khas Jabatan Perpustakaan UTM Bil. 1/2022 bertarikh 27 April 2022 telah meluluskan penstrukturan semula Carta Organisasi dan Carta Fungsi Jabatan Perpustakaan UTM bagi memastikan kelestarian pengurusan organisasi jabatan.

2. Maka dengan keputusan tersebut, penggunaan struktur carta organisasi dan carta fungsi baharu Jabatan Perpustakaan UTM mula berkuat kuasa secara rasmi pada 1 Jun 2022 dengan pindaan 26 Julai 2022.

3. Penstrukturan semula ini adalah dalam usaha memperkukuhkan fungsian Ketua Pustakawan, fungsian Timbalan Ketua Pustakawan diperkasakan dengan menambah penamaan semula bahagian mengikut tugas dan tanggungjawab.

4. Berikut adalah penjelasan kepada penstrukturan baharu Jabatan Perpustakaan UTM:

a) Bahagian Perancangan & Pembangunan (PP)

Bahagian Perancangan dan Pembangunan (PP) distrukturkan semula dengan mempunyai dua (2) seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran & Korporat (TK) dan Seksyen Pembangunan Sumber dan Katalog (BK).

Di bawah Seksyen Pentadbiran & Korporat (TK), terdapat empat (4) unit iaitu Unit Sumber Manusia (SM), Unit Korporat & Bisnes Strategik (KS), Unit Kewangan (KW) dan Unit Bangunan & Fasiliti (BF). Di bawah Seksyen Pembangunan Sumber & Katalog (BK), terdapat lima (5) unit iaitu Unit Perolehan Bahan (PB), Unit Jurnal & Media Elektronik (JM), Unit Hadiah & Pertukaran (HP), Unit Katalog (KT) dan Unit Pemeliharaan & Pemuliharaan (ML).

b) Bahagian Perkhidmatan (PK)

Bahagian Perkhidmatan (PK) dibahagikan kepada tiga (3) Seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Koleksi (UK), Seksyen Perkhidmatan (PM) dan Seksyen Penyelidikan (PY).

Seksyen Pengurusan Koleksi mempunyai tiga (3) unit iaitu Unit Sirkulasi PSZ (SKSZ), Unit Sirkulasi PRZS (SKZS) dan Unit Perpustakaan Fakulti (PF). Manakala Seksyen Perkhidmatan (PM) mempunyai lima (5) unit iaitu Unit Perundingan Maklumat PSZ (RMSZ), Unit Perundingan Maklumat PRSZ (RMZS), Unit Pengurusan Maklumat (UM), Unit Promosi (PR) dan Perpustakaan HPT Pagoh (HPT). Seksyen Penyelidikan (PY) mempunyai tiga (3) unit iaitu Unit Sokongan Penyelidikan (SP), Unit Sokongan Pendidikan Pengguna (PD) dan Unit Penerbitan Penyelidikan (TY).

c) Bahagian Automasi & Multimedia (AM)

Bahagian Automasi dan Perkhidmatan (AP) dijenamakan semula kepada Bahagian Automasi & Multimedia (AM). Bahagian ini dibahagikan kepada dua (2) seksyen iaitu Seksyen Automasi (AT) dan Seksyen Multimedia (MM) serta satu (1) Unit Pentadbiran & Korporat (TK).

Seksyen Automasi (AT) mempunyai tiga (3) unit iaitu Unit Sistem Pengurusan Perpustakaan (LS), Unit Server & Rangkaian (SR), dan Unit Sistem Aplikasi Perpustakaan (SA). Manakala Seksyen Multimedia (MM) terdiri daripada tiga (3) Unit iaitu Unit ICT Perpustakaan (IT), Unit Pembangunan Multimedia & Grafik (MG) dan Unit Pengurusan Multimedia (GM).

d) Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi (IP)

Bahagian Koleksi Khas & Galeri (KG) dijenamakan semula kepada Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi (IP). Bahagian ini dijenamakan semula sejajar dengan hala tuju dan pemantapan Jabatan Perpustakaan UTM sebagai Institusi Ilmu Pengetahuan UTM seperti yang digariskan dalam enVision 2025. Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi (IP) dibahagikan kepada dua (2) seksyen iaitu Seksyen Koleksi Khas & Repositori (KR) dan Seksyen Galeri (GL).

Seksyen Koleksi Khas & Repositori (KR) mempunyai tiga (3) unit iaitu Unit Pembangunan Koleksi Khas (GK), Unit Pengurusan Koleksi Khas (RK) dan Unit Repositori & Dokumen Digital (RD). Seksyen Galeri mempunyai tiga (3) unit iaitu Unit Pembangunan Galeri (RG), Unit Penyelidikan Galeri (PG) dan Unit Konservasi Galeri (SG).

e) Bahagian Perpustakaan UTM Kuala Lumpur (PSZKL)

Bahagian Perpustakaan UTM Kuala Lumpur (PSZKL) ini dibahagikan kepada dua (2) seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Sumber (BS) dan Seksyen Perkhidmatan (PM). Satu (1) unit baharu diwujudkan iaitu Unit Aplikasi dan Multimedia (LM).

Seksyen Pembangunan Sumber (BS) mempunyai lima (5) unit iaitu Unit Perolehan Bahan (PB), Unit Katalog & Dokumen Digital (KD), Unit Galeri (GR), Unit Aplikasi & Multimedia (LM) dan Perpustakaan SPACE UTM. Seksyen Perkhidmatan mempunyai lima (5) unit iaitu Unit Pengurusan Maklumat & Sokongan Penyelidikan (MP), Unit Sirkulasi (SK), Unit Promosi (PR), Unit Pemeliharaan dan Pemuliharaan (ML) dan Unit Pentadbiran dan Korporat (TK).

Struktur Organisasi baharu Jabatan Perpustakaan UTM yang lengkap adalah seperti di Lampiran A, carta fungsi adalah seperti di Lampiran B dan ringkasan pindaan kepada carta organisasi adalah seperti di Lampiran C. Tarikh kuatkuasa carta baharu ini adalah pada **1 Jun 2022**.

Penyusunan dan pengemaskinian struktur organisasi ini mengambilkira perkembangan semasa di mana Jabatan Perpustakaan UTM perlu mempunyai sumber kewangan yang mampan, melaksanakan pengurusan yang lebih kejut dan mewujudkan struktur yang lebih strategik bagi penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai perubahan terkini struktur organisasi Jabatan Perpustakaan UTM.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”

“Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,




(NOR ASIKIN BINTI MOHAMAD)

Ketua Pustakawan

Jabatan Perpustakaan UTM

UTM Johor Bahru

CARTA ORGANISASI JABATAN PERPUSTAKAAN UTM



CARTA FUNGSI JABATAN PERPUSTAKAAN UTM

LAMPIRAN B



KETUA PUSTAKAWAN

Bertindak sebagai Ketua Jabatan Perpustakaan UTM dalam urusan perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna, pembangunan sumber bahan perpustakaan, pengurusan penerbitan universiti, pengurusan koleksi khas, UTM-IR dan *Research Data Management* (RDM), Galeri UTM, pentadbiran dan pengurusan sistem aplikasi perpustakaan.

BAHAGIAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN (PP)

BAHAGIAN PERKHIDMATAN (PK)

BAHAGIAN AUTOMASI & MULTIMEDIA (AM)

BAHAGIAN ILMU PENGETAHUAN INSTITUSI (IP)

BAHAGIAN PERPUSTAKAAN UTM KUALA LUMPUR (PSZKL)

PENTADBIRAN & KORPORAT

- Pengurusan dan pembangunan sumber manusia
- Pengurusan korporat dan pentadbiran Perpustakaan UTM
- Pengurusan penajaan dana Perpustakaan UTM
- Pengurusan kewangan dan aset alih Perpustakaan UTM.
- Pengurusan fasiliti, utiliti dan keselamatan bangunan.

PEMBANGUNAN SUMBER & KATALOG

- Pembangunan sumber koleksi perpustakaan bercetak dan audio visual
- Pembangunan koleksi jurnal dan media elektronik
- Pembangunan koleksi artikel, media digital dan akses terbuka
- Perolehan bahan melalui proses hadiah dan pertukaran
- Pembangunan Koleksi Terbitan Kerajaan dalam bentuk digital
- Pengkatalogan, pengkelasan dan pengindeksan bahan mengikut piawai antarabangsa
- Pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi perpustakaan

PENGURUSAN KOLEKSI

- Perkhidmatan sirkulasi (peminjaman, pemulangan serta pengurusan rekod patron)
- Pengurusan perkhidmatan dan kemudahan ruang perpustakaan kepada pengguna
- Pengurusan dan perkhidmatan Perpustakaan Fakulti
- Pengurusan dan penyelarasan UTM *Reading Station*

PERKHIDMATAN

- Perkhidmatan rundingan maklumat dan sokongan penyelidikan PSZ dan PRZS
- Perkhidmatan pembekalan maklumat dan bahan kepada pengguna serta pihak luar
- Pengurusan program budaya ilmu dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi komuniti UTM dan masyarakat luar
- Pengurusan publisiti dan promosi maklumat berkaitan perpustakaan

PENYELIDIKAN

- Pengurusan akses maklumat pangkalan data yang dilanggan oleh perpustakaan
- Program pendidikan pengguna perpustakaan
- Pengurusan data penerbitan UTM untuk keperluan universiti, Kementerian Pendidikan Tinggi, MQA dan pihak berkepentingan
- Promosi inisiatif dan aktiviti Sains Terbuka (Open Science)

PENTADBIRAN PRZS

- Penyelarasan sumber manusia, fasiliti, utiliti dan keselamatan bangunan PRZS

AUTOMASI

- Pengurusan dan penyelenggaraan Sistem Pengurusan Perpustakaan (LMS)
- Pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan sistem aplikasi perpustakaan
- Pengurusan server & rangkaian perpustakaan

MULTIMEDIA

- Perolehan, pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur serta kemudahan ICT perpustakaan
- Pembangunan dan pengurusan bahan multimedia perpustakaan serta bahan multimedia UTM serta perkhidmatan rekaan grafik
- Pemeliharaan dan pemuliharaan bahan media dan multimedia perpustakaan.
- Pengurusan akses kandungan digital multimedia UTM

KOLEKSI KHAS & REPOSITORI

- Pembangunan, pengurusan dan perkhidmatan dalam memperkasa khazanah ilmu pengetahuan institusi UTM (Koleksi Khas)
- Perkhidmatan maklumat terpilih dalam menyebarkan khazanah ilmu pengetahuan institusi UTM (Koleksi Khas)
- Pembangunan, pengurusan, akses dan pemantapan koleksi ilmiah digital bagi *Institutional Repository UTM* (UTM-IR), dokumen digital (DMS) serta data penyelidikan universiti (RDM)

GALERI

- Pembangunan dan pengurusan bagi pengukuhan galeri (maya dan fizikal) di Perpustakaan dan UTM
- Pembangunan, pengurusan dan penyelidikan koleksi galeri dan artifak khazanah UTM
- Penyebaran dan pengembangan ilmu melalui aktiviti pameran, program pendidikan dan seranta
- Pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi galeri dan warisan khazanah UTM

PENTADBIRAN & KORPORAT PKL

- Pengurusan sumber manusia, fasiliti, utiliti dan keselamatan bangunan PSZKL

PEMBANGUNAN SUMBER

- Pembangunan koleksi perpustakaan versi bercetak dan digital
- Pengkatalogan, pengkelasan dan pengindeksan bahan
- Pembangunan dan pengurusan koleksi multimedia dan bahan media
- Perolehan, pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur serta kemudahan ICT perpustakaan
- Pemantapan koleksi dan artifak khazanah universiti dan komuniti di UTMKL

PERKHIDMATAN

- Perkhidmatan rundingan maklumat & sokongan penyelidikan.
- Perkhidmatan keperluan *Research Data Management* (RDM)
- Pengurusan bahan dari Sumber Terbuka (*Open Access*)
- Perkhidmatan Program Pendidikan Pengguna
- Pengurusan program budaya ilmu dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi komuniti UTM dan masyarakat luar
- Perkhidmatan sirkulasi (peminjaman, pemulangan, pengurusan rekod patron dan UTM *Reading Station*)
- Pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi perpustakaan



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 1/2022
PENSTRUKTURAN SEMULA CARTA ORGANISASI DAN CARTA FUNGSI JABATAN
PERPUSTAKAAN UTM

PERKARA	NAMA ASAL	PINDAAN
Bahagian	Perancangan dan Pembangunan (PP)	Kekal
Seksyen	i) Pentadbiran dan Korporat (TK)	Kekal
	ii) Pembangunan Sumber dan Katalog (BK)	Kekal
Unit	i) Sumber Manusia (SM)	Kekal
	ii) Korporat & Bisnes Strategik (BS)	Korporat & Bisnes Strategik (KS)
	iii) Kewangan & Fasiliti (KW)	Dibahagikan kepada Unit Kewangan (KW) dan Unit Bangunan Fasiliti (BF)
	iv) Perolehan Bahan (PB)	Kekal
	v) Jurnal & Media Elektronik (JM)	Kekal
	vi) Hadiah & Pertukaran (HP)	Kekal
	vii) Katalog (KT)	Kekal
	vii) Pemeliharaan & Pemuliharaan, Seksyen Pengurusan Koleksi	Pemeliharaan & Pemuliharaan (ML) dipindahkan dari Seksyen Pengurusan Koleksi (UK) ke Seksyen Pembangunan Sumber & Katalog (BK)

Bahagian	Perkhidmatan (PK)	Kekal
Seksyen	i) Pengurusan Koleksi (PK)	Kekal dengan pindaan kod singkatan (UK)
	ii) Perkhidmatan Maklumat & Penyelidikan (SMP)	Dibahagikan kepada Seksyen Perkhidmatan (PM) dan Penyelidikan (PY)
Unit	i) Sirkulasi (UK)	Dibahagikan kepada Sirkulasi PSZ dan PRZS iaitu (SKSZ) dan (SKZS)
	ii) Reading Station (RS)	Unit ini dimasukkan dibawah Unit Perpustakaan Fakulti (PF)
	iii) Pemeliharaan & Pemuliharaan (PP)	Dipindahkan ke Seksyen Pembangunan Sumber & Katalog dan dipinda kod singkatan (ML)
	iv) Perpustakaan Fakulti (PF)	Perpustakaan IBD diletakkan di bawah Unit Perpustakaan Fakulti (PF), Seksyen Pengurusan Koleksi
	v) Perpustakaan IBD	
	vi) Perundingan Maklumat (RM)	Dibahagikan kepada PSZ dan PRZS dan diberi kod singkatan baharu iaitu (RMSZ) dan (RMZS)
	vii) Pengurusan Maklumat (UM)	Kekal
	viii) Pangkalan Data (PD)	Fungsi unit ini dimasukkan dibawah Unit Sokongan Pendidikan Pengguna (PD)
	ix) Penerbitan Penyelidikan (PP)	Kekal dengan kod singkatan baharu (TY)
	x) Promosi (PR)	Kekal dan diletakkan di bawah Seksyen Perkhidmatan (PM)
	xi) Perpustakaan HPT Pagoh (HP)	Kekal dengan pindaan kod singkatan (HPT)

Bahagian	Automasi & Perkhidmatan (AP)	Automasi & Multimedia (AM)
Seksyen	i) Automasi (AT)	Kekal
	ii) Perkhidmatan Maklumat, Penyelidikan & Sirkulasi (MP)	Seksyen ini dipindahkan ke Bahagian Perkhidmatan (PK)
	iii) Multimedia (MM), Bahagian Koleksi Khas & Galeri (KG)	Seksyen Multimedia (MM) dipindahkan dari Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi (IP) ke Bahagian Automasi dan Multimedia (AM)
Unit	i) Sistem Pengurusan Perpustakaan (SP)	Kekal dengan pindaan kod singkatan (LS)
	ii) Server & Rangkaian (SR)	Kekal
	iii) Sistem Aplikasi Perpustakaan (SA)	Kekal
	iv) ICT Perpustakaan (IP)	Seksyen ini dipindahkan di bawah Seksyen Multimedia (MM) dan dipinda kod singkatan kepada (IT)
	v) Sirkulasi PRZS (USK)	Dipindahkan ke Seksyen Pengurusan Koleksi, Bahagian Perkhidmatan dan diberi kod singkatan baharu iaitu (SKZS)
	vi) Perkhidmatan Maklumat & Sokongan Penyelidikan (KP)	Dipindahkan ke Seksyen Perkhidmatan (PM), Bahagian Perkhidmatan (PK)
	vii) Pembangunan Multimedia (BM)	Dipinda kepada Pembangunan Multimedia & Grafik (MG)
	vii) Pengurusan Multimedia (PM)	Kekal dengan pindaan kod singkatan (GM)

Lampiran C

Bahagian	Koleksi Khas & Galeri (KG)	Ilmu Pengetahuan Institusi (IP)
Seksyen	i) Koleksi Khas & Repositori (KR)	Kekal
	ii) Galeri (GL)	Kekal
	iii) Multimedia (MM)	Dipindahkan ke Bahagian Automasi & Multimedia (AM)
Unit	i) Koleksi Khas (KK)	Dibahagikan kepada Unit Pembangunan Koleksi Khas (GK) dan Unit Pengurusan Koleksi Khas (RK)
	ii) UTM-IR Data Penyelidikan (UD)	Digabungkan dengan nama baharu iaitu Unit Repositori & Dokumen Digital (RD)
	iii) Dokumen Digital (DD)	
	iv) Pembangunan Galeri (BG)	Kekal
	v) Penyelidikan Galeri (PG)	Kekal
	vi) Konservasi Galeri (SG)	Kekal

Lampiran C

Bahagian	Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZKL)	Kekal
Seksyen	i) Perkhidmatan Maklumat & Sirkulasi	Dipinda kepada Seksyen Perkhidmatan (PM)
	ii) Pembangunan Sumber & Perpustakaan Cawangan	Dipinda kepada Seksyen Pembangunan Sumber (BS)
Unit	i) Perolehan Katalog & Dokumen Digital (OK)	Dibahagikan kepada Unit Perolehan Bahan (PB) dan Unit Katalog & Dokumen Digital (KD)
	ii) Pemeliharaan & Pemuliharaan (MU)	Kekal dengan pindaan kod singkatan (ML)
	iii) Perpustakaan Menara Razak	Digabungkan dibawah Unit Sirkulasi
	iv) Perpustakaan MJIT	
	v) Perpustakaan CASIS	
	vi) Perpustakaan UTMSPACE	Perpustakaan SPACE UTM
	vii) Pengurusan Maklumat & Sokongan Penyelidikan (UP)	Kekal dengan pindaan kod singkatan (MP)
	viii) Sirkulasi & Reading Station (SS)	Dipinda kepada Unit Sirkulasi (SK)
	ix) Promosi (PS)	Kekal dengan pindaan kod singkatan (PR)
	x) Galeri UTMKL (GA)	Dipinda kepada Unit Galeri (GR)
	xi) Pentadbiran & Korporat (TK)	Kekal
	xii) -	Satu unit baharu diwujudkan iaitu Aplikasi & Multimedia (LM)